

UMS IPT Pertama di Sabah Lafaz Ikrar Bebas Rasuah

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 Oktober 2017 11:57 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1318

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



JUMAAT, 25 OGOS - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi institusi pendidikan tinggi yang pertama di Sabah melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di hadapan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perkara itu dinyatakan Pengarah SPRM Sabah, Dato' Sazali Saibi kepada pemberita dalam satu sidang media selepas menghadiri Majlis IBR peringkat UMS.

“Secara keseluruhannya, UMS merupakan organisasi yang ke-51 di negeri ini yang memberikan komitmen tinggi

bagi menjayakan program yang diinisiatifkan SPRM dalam usaha memerangi jenayah rasuah,” katanya.

Beliau turut memuji UMS kerana sejak sekian lama telah mewujudkan Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) yang dianggotai mahasiswa di universiti itu.

“Ini menunjukkan satu komitmen padu dari UMS untuk memerangi jenayah yang kini menjadi musuh utama negara sekali gus membantu ke arah melahirkan generasi yang benci dan bebas rasuah,” tambah Dato' Sazali.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin dalam ucapannya berkata, ikrar tersebut adalah ikrar setiap kakitangan di UMS untuk lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah.

“Pada kesempatan ini, suka saya memaklumkan bahawa semua Dekan dan Ketua Jabatan harus melaksanakan ikrar ini di peringkat Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut dan Unit masing-masing secepat mungkin,” katanya.

Prof. Dr. D Kamarudin turut mengetuai bacaan ikrar bebas rasuah bersama-sama Pegawai-pegawai Utama dan kanan UMS.

Foto: Suzeanywati Gasinin

